



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

PENILAIAN TERHADAP KECERDASAN EMOSI DAN KESIHATAN MENTAL GURU PELATIH PENDIDIKAN KHAS SEPANJANG E-PEMBELAJARAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

MOHD AKMALUDDIN SYARIF BIN MOHD NOOR

FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA

2023



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

PENILAIAN TERHADAP KECERDASAN EMOSI DAN KESIHATAN MENTAL GURU PELATIH PENDIDIKAN KHAS SEPANJANG E-PEMBELAJARAN

MOHD AKMALUDDIN SYARIF BIN MOHD NOOR



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

LAPORAN PROJEK TAHUN AKHIR DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA MUDA PENDIDIKAN (PENDIDIKAN KHAS)

**FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2023



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



**FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA
JABATAN PENDIDIKAN KHAS**

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada 19/5/2023 .

i. Perakuan Pelajar:

Saya, Mohd Akmaluddin Syarif bin Mohd Noor, D20182085029 dari Fakulti Pembangunan Manusia dengan ini mengaku bahawa Laporan Projek Tahun Akhir yang bertajuk Penilaian Terhadap Kecerdasan Emosi dan Kesihatan Mental Guru Pelatih Pendidikan Khas Sepanjang E-Pembelajaran adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya.



Akmal

Tandatangan Pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, Dr Kway Eng Hock dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk Penilaian Terhadap Kecerdasan Emosi dan Kesihatan Mental Guru Pelatih Pendidikan Khas Sepanjang E-Pembelajaran dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Fakulti Pembangunan Manusia bagi memenuhi sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Pendidikan Khas) dengan Kepujian.

Tarikh:

Tandatangan Penyelia:





PENGHARGAAN

Segala puji dan syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnianya dan kasih sayangNYA dapat saya menyempurnakan tugas projek tahun akhir dengan jayanya sebagaimana yang telah dirancang. Dalam penulisan ringkas ini saya ingin mengambil kesempatan untuk merakamkan jutaan terima kasih kepada individu yang memberikan sokongan serta bantuan sama ada secara langsung mahupun tidak langsung sepanjang proses menyiapkan tugas ini.

Pertama sekali, saya ingin merakamkan jutaan penghargaan kepada Dr Kway Eng Hock selaku pensyarah penyelia yang telah banyak membimbing saya sepanjang proses menyiapkan tugas tahun akhir ini berlangsung.

Tidak lupa juga kepada keluarga saya yang banyak memberikan dorongan dan bantuan dari segi kewangan kepada diri ini. Terima kasih atas doa dan semangat yang diberikan tanpa rasa jemu. Jutaan terima kasih juga saya ucapkan kepada responden iaitu terdiri daripada kalangan guru pelatih pendidikan khas Universiti Pendidikan Sultan Idris yang mengambil tempat untuk membantu saya dalam menjayakan projek tahun akhir ini.





ABSTRAK

Kajian ini dijalankan adalah untuk membuat tinjauan serta gambaran menyeluruh mengenai tahap kecerdasan emosi dan kesihatan mental dalam kalangan guru pelatih pendidikan khas Universiti Pendidikan Sultan Idris sepanjang menjalani pembelajaran atas talian (E-Pembelajaran) sewaktu Covid-19. Selain itu, kajian ini juga dijalankan untuk melihat perbezaan dalam tahap kecerdasan emosi dan kesihatan mental dengan tempoh semester pembelajaran atas talian. Kajian ini berbentuk kuantitatif yang melibatkan responden dalam kalangan guru pelatih pendidikan khas UPSI. Seramai 48 orang responden yang dipilih terdiri daripada semester 1 sehingga 8 (A212) untuk menjawab borang soal selidik yang telah dihasilkan melalui medium *Google Form* sebagai instrumen kajian. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa tahap kecerdasan emosi guru pelatih Pendidikan khas UPSI berada pada tahap yang tinggi (Min = 4.02, SP= 0.479) manakala tahap kesihatan mental berada pada tahap sederhana dengan nilai (Min = 3.20, SP= 1.056). Dapatan daripada kajian yang dijalankan juga mendapati bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap kecerdasan emosi dan kesihatan mental dengan faktor tempoh pembelajaran atas talian iaitu bagi kecerdasan emosi dengan nilai [$F_{(4,43)} = .830, k > .05$] menunjukkan keputusan adalah tidak berbeza secara signifikan dan bagi kesihatan mental dengan nilai [$F_{(4,43)} = 1.737, k > .05$] menunjukkan keputusan adalah juga tidak berbeza secara signifikan. Secara keseluruhannya, kajian ini menunjukkan bahawa tahap kecerdasan emosi dapat dikawal dengan baik walaupun mengikuti pembelajaran atas talian. Namun bagi kesihatan mental pula dilihat pada tahap yang sedikit membimbangkan di mana melalui item G2 mendapat skor tertinggi dilihat bahawa 31 orang responden mengalami tekanan atau stress semasa mengikuti E-Pembelajaran. Diharap hasil kajian ini dapat menjadi rujukan dan panduan kepada pihak yang berwajib di dalam menitikberatkan soal kecerdasan emosi dan kesihatan mental kepada para bakal pendidik kelak.





ABSTRACT

This study was conducted to conduct a survey and overview of the level of emotional intelligence and mental health among the teachers of the special education trainees of Universiti Pendidikan Sultan Idris during the course of online learning (E-Learning) during Covid-19. In addition, this study was also conducted to see differences in emotional intelligence and mental health levels with the duration of online learning semesters. This study is quantitative which involves respondents among UPSI special education trainee teachers. A total of 48 respondents were selected from semester 1 to 8 (A212) to answer the questionnaires produced through the Google Form medium as a study instrument. The findings of this study show that the emotional intelligence level of UPSI special education trainee teachers is at a high level (Min = 4.02, SP= 0.479) while the level of mental health is at a moderate level with values (Min = 3.20, SP= 1.056). The findings from the study also found that there was no significant difference in emotional intelligence and mental health with the duration factor of online learning i.e. for emotional intelligence with values [$F(4, 43) = .830, k > .05$] showing that the results were not significantly different and for mental health with values [$F(4, 43) = 1.737, k > .05$] showed that the results were also not significantly different. Overall, this study shows that emotional intelligence levels can be well controlled even when following online learning. However, mental health was seen at a slightly alarming level where through the G2 item, the highest score was seen that 31 respondents experienced stress or stress while following E-Learning. It is hoped that the results of this study will serve as a reference and guide to the authorities in focusing on emotional intelligence and mental health to future educators.



KANDUNGAN

	MUKA SURAT
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	ix
SENARAI RAJAH	x
SENARAI SINGKATAN	x
SENARAI LAMPIRAN	xi
1.0 PENDAHULUAN	1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latarbelakang Kajian	2
1.3 Pernyataan Masalah	4
1.4 Tujuan Kajian	5
1.4.1 Objektif Kajian	5
1.4.2 Soalan Kajian	5
1.5 Kerangka Konseptual Kajian	6
1.6 Kepentingan Kajian	8
1.7 Definisi Operasional	8
1.7.1 Guru Pelatih Pendidikan Khas UPSI	8
1.7.2 Kecerdasan Emosi	8
1.7.3 Kesihatan Mental	9
1.7.4 Pembelajaran Atas Talian (E-Pembelajaran)	9
1.7.5 Covid-19	10
1.8 Rumusan	10

2.0 TINJAUAN LITERATUR	11
2.1 Pengenalan	11
2.2 Teori/ Model	12
2.3 Kajian-kajian lepas	14
2.4 Rumusan	18
3.0 METODOLOGI KAJIAN	20
3.1 Pendahuluan	20
3.2 Reka Bentuk Kajian	21
3.3 Persampelan	22
3.4 Instrumen kajian	23
3.4.1 Kesahan	26
3.4.2 Kebolehpercayaan	26
3.5 Prosedur Pengumpulan Data	27
3.6 Prosedur Penganalisis Data	28
3.7 Rumusan	29
4.0 DAPATAN KAJIAN	30
4.1 Pendahuluan	30
4.2 Latar Belakang Responden	31
4.2.1 Taburan Responden Mengikut Jantina	31
4.2.2 Taburan Responden Mengikut Umur	32
4.2.3 Taburan Responden Mengikut Bangsa	32
4.2.4 Taburan Responden Mengikut Semester A212	33
4.2.5 Taburan Responden Mengikut Tempoh Pembelajaran Atas Talian	34
4.3 Analisis Deskriptif	35
4.3.1 Tahap Kecerdasan Emosi dan Kesihatan Mental Guru Pelatih Pendidikan Khas UPSI Sepanjang Menjalani E-Pembelajaran Sewaktu Covid-19	36

4.3.2 Perbezaan Antara Tahap Kecerdasan Emosi dan Kesihatan Mental Dengan Tempoh Pembelajaran Atas Talian Guru Pelatih Pendidikan Khas UPSI Sepanjang Menjalani E-Pembelajaran Sewaktu Covid-19	50
4.4 Rumusan	52
5.0 PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN KAJIAN	53
5.1 Pendahuluan	53
5.2 Perbincangan	53
5.2.1 Tahap Kecerdasan Emosi dan Kesihatan Mental Guru Pelatih Pendidikan Khas Sepanjang Menjalani E-Pembelajaran Sewaktu Covid-19	54
5.2.2 Perbezaan Antara Kecerdasan Emosi dan Kesihatan Mental Dengan Tempoh Pembelajaran Atas Talian Guru Pelatih Pendidikan Khas Sepanjang Menjalani E-Pembelajaran Sewaktu Covid-19	55
5.3 Cadangan	56
5.4 Rumusan	56
RUJUKAN	58
LAMPIRAN A	xii
LAMPIRAN B	xviii
LAMPIRAN C	xxvi



SENARAI JADUAL

No Jadual	Halaman
3.1 Jadual Ringkasan Soal Selidik (Bahagian A)	24
3.2 Jadual Ringkasan Soal Selidik (Bahagian B)	25
3.3 Jadual Skala Likert Respon Soal Selidik	25
3.4 Jadual Interpretasi Nilai Min dengan Tahap	28
4.1 Jadual Taburan Responden Mengikut Jantina	31
4.2 Jadual Taburan Responden Mengikut Umur	32
4.3 Jadual Taburan Responden Mengikut Bangsa	33
4.4 Jadual Taburan Responden Mengikut Semester A212	33
4.5 Jadual Taburan Responden Mengikut Tempoh Pembelajaran Atas Talian	34
4.6 Jadual Analisis Deskriptif Tahap Kecerdasan Emosi Dan Kesihatan Mental	35
4.7 Jadual Interpretasi Skor Min	36
4.8 Jadual Analisis Deskriptif Tahap Min Kecerdasan Emosi Dan Kesihatan Mental	37
4.9 Jadual Keputusan Item Komponen Kesedaran Diri	38
4.10 Jadual Keputusan Item Komponen Menguruskan Emosi	40
4.11 Jadual Jadual Keputusan Item Komponen Motivasi Diri	42
4.12 Jadual Keputusan Item Komponen Empati	44
4.13 Jadual Keputusan Item Komponen Kemahiran Sosial	46
4.14 Jadual Keputusan Item Komponen Kesihatan Mental	48
4.15 Jadual Perbezaan Kecerdasan Emosi dan Kesihatan Mental Berdasarkan Tempoh Pembelajaran Atas Talian	50
4.16 Jadual Perbezaan Min Tahap Kecerdasan Emosi dan Kesihatan Mental Berdasarkan Tempoh Pembelajaran Atas Talian	51





SENARAI RAJAH

No Jadual	Halaman
1 Kerangka Konseptual Kajian	7

SENARAI SINGKATAN

Covid-19	<i>Novel Coronavirus Disease 2019</i>
WHO	<i>World Health Organization</i>
GHQ-12	<i>General Health Questionnaire</i>
SPSS	<i>Statistical Package for the Social Sciences</i>
PKP	Perintah Kawalan Pergerakan
IPT	Institusi Pengajian Tinggi
MBPK	Murid Berkeperluan Pendidikan Khas
UPSI	Universiti Pendidikan Sultan Idris
KSSMPK	Kurikulum Standard Sekolah Menengah Pendidikan Khas
OKU	Orang Kurang Upaya
PdP	Pengajaran dan Pembelajaran
KKM	Kementerian Kesihatan Malaysia
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia





SENARAI LAMPIRAN

A Surat Kebenaran

- i. Surat Pengesahan Sebagai Pelajar UPSI
- ii. Kebenaran Menjalankan Kajian
- iii. Kebenaran Mengadaptasi Instrumen

B Instrumen Kajian

- i. Borang Soal Selidik
- ii. Carta Pai Jantina Responden
- iii. Carta Pai Umur Responden
- iv. Carta Pai Bangsa Responden
- v. Carta Pai Semester Pada A212
- vi. Carta Pai Tempoh Pembelajaran Atas Talian



C Dokumen Lain

- i. Borang Penyeliaan Pensyarah Penyelia





BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Novel Corona Virus (Covid-19) telah mula dikenalpasti pada November 2019 di Wuhan, China dan kemudian merebak ke seluruh dunia dengan begitu pantas (Lekhraj Rampal (2020). Menurut Rohayati Junaidi, Tengku Intan Marlina & Madiawati Mamat (2020) memberi pandangan bahawa Covid-19 merupakan virus yang merisiko dan memberikan kesan terhadap sosioekonomi manusia. Hal ini ditegaskan oleh Norazila Mat, Muhammad Farhan Misron, Nur Atiqah Abdullah & Jamsari Alias (2021) bahawa wabak ini membawa angka pesakit serta kematian yang tinggi dan menyebabkan banyak negara mengambil langkah untuk menguatkuasakan perintah berkurung dan kawalan pergerakan serta Malaysia tidak terkecuali dari penguatkuasaan perintah yang berbentuk sedemikian iaitu mula menguatkuasakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sejak 18 Mac 2020. Rentetan daripada tindakan berkenaan, banyak sektor terjejas teruk seperti sektor industri, sektor swasta, sektor ekonomi serta sektor pendidikan juga turut terkesan disebabkan penguatkuasaan kawalan pergerakan tersebut. Hal ini diturut disokong oleh Zainora Daud, Norazman Alias & Anuar Hasin (2021) bahawa era pandemik Covid-19 ini telah memberi impak yang sangat besar kepada semua lapisan masyarakat dalam segala sektor termasuk pendidikan sama ada peringkat rendah, menengah dan tinggi. Implikasinya bagi sektor pendidikan, pengoperasian pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah dan bilik kuliah terpaksa diberhentikan seketika dan kaedah pembelajaran atas talian yang lebih dikenali sebagai (e-pembelajaran) mula digunakan sebagai alternatif bagi memastikan





proses pengajaran dan pembelajaran itu berjalan dengan lancar. Kaedah ini bukan sahaja digunakan pada institusi pada peringkat prasekolah, rendah dan menengah sahaja malah di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) juga tidak terkecuali untuk melaksanakan kaedah sedemikian. Hal ini turut memberikan kesan negatif kepada para pelajar iaitu tekanan emosi dan kesihatan mental terutamanya kepada mahasiswa dan mahasiswa di Institusiti Pengajian Tinggi (IPT). Menurut Zainora Daud, Norazman Alias & Anuar Hasin (2021) tekanan emosi dalam kalangan pelajar disebabkan masalah kewangan kerana ibubapa hilang punca pendapatan dan tidak dapat menyesuaikan diri dengan kaedah pembelajaran secara maya. Bagi tahap kesihatan mental pula Browning MHEM, Larson LR, Sharaievska I, Rigolon A, McAnirlin O, et al. (2022) mengatakan bahawa mengikut kajian yang dijalankan oleh mereka bahawa tahap kesihatan mental pelajar berada pada tahap yang tinggi sewaktu pembelajaran secara maya dilaksanakan sejak pandemik Covid-19 melanda dunia. Oleh itu dalam konteks kajian ini ialah bertumpu kepada penilaian terhadap kecerdasan emosi dan kesihatan mental guru pelatih pendidikan khas Universiti Pendidikan Sultan Idris sepanjang e-pembelajaran sewaktu pandemik Covid-19.



1.2 Latar Belakang Kajian

Guru pelatih pendidikan khas merupakan mahasiswa dan mahasiswi yang mengambil program pendidikan khas pada peringkat sarjana muda di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) selama 4 tahun. Namun bagi kajian ini hanyalah tertumpu kepada guru pelatih pendidikan khas yang mengikuti pengajian di Universiti Pendidikan Sultan Idris sahaja. Mereka merupakan golongan yang akan menjadi pelapis bagi guru yang sedia ada pada masa kini. Oleh itu, pengajaran serta amali iaitu latihan mengajar akan menjadikan guru pelatih menguasai kemahiran untuk mendidik dan mengawal murid serta dapat menjadikan proses pembelajaran yang bermakna kepada Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (MBPK). Hal ini ditegaskan oleh Nur Fitrah Hassan (2021) bahawa bagi mencapai objektif pengajaran dan pembelajaran sehari-hari memerlukan guru pelatih pendidikan khas yang menguasai kemahiran asas mengajar dengan betul.





Guru pelatih pendidikan khas juga merupakan golongan yang dilatih untuk mengajar kandungan Kurikulum Standard Sekolah Menengah Pendidikan Khas (KSSMPK) kepada MBPK yang mempunyai pelbagai kategori ketidakupayaan seperti ketidakupayaan fizikal, ketidakupayaan pendengaran, ketidakupayaan penglihatan serta masalah pembelajaran yang dikategorikan sebagai Orang Kurang Upaya (OKU) selepas melalui proses saringan pelbagai kumpulan multidisiplin (Norfishah Mat Rabi (2017). Jadi pembelajaran atas talian yang dialami oleh guru pelatih sewaktu pandemik Covid-19 ini dilihat merupakan satu cabaran yang berlainan daripada mahasiswa sebelumnya yang menjalankan pengajian secara bersemuka. Hal ini boleh dikatakan suatu norma baharu yang perlu dipraktikkan kepada diri yang bergelar mahasiswa dan mahasiswi di universiti. Oleh itu, kecerdasan emosi dan kesihatan mental dilihat mempunyai perkaitannya dengan situasi ini kerana golongan ini perlu menempuh situasi berkenaan dalam tempoh yang panjang.

Rentetan daripada perkara berkenaan, tahap kecerdasan emosi ini perlulah diteliti dengan lebih mendalam kepada kalangan guru pelatih pendidikan khas di UPSI. Hal ini kerana kecerdasan emosi yang baik mampu memberikan hasil yang positif dari segi perkembangan ilmu pengetahuan dan perasaan (Mayurie Phutharat Suri & Shahlan Surat (2021). Kesihatan mental juga sewajarnya dikaji disebabkan ianya berkait dengan kecerdasan emosi yang menunjukkan tahap kesihatan mental berada pada tahap yang tinggi apabila tahap kecerdasan emosi berada pada aras yang rendah. Impaknya keletihan dan tekanan akan dialami oleh pelajar secara umumnya. Menurut Hannah Aqilah Amran, Rosadah Abd Majid & Manisah Mohd Ali (2019) pendidikan khas sememangnya memerlukan para guru yang berkemahiran dan kompeten dalam mendidik dan melahirkan kemenjadian modal insan yang sejahtera dan mampu untuk berdikari.





1.3 Pernyataan Masalah

Implikasi yang negatif kepada masyarakat di negara Malaysia dapat dilihat sewaktu berlakunya pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) kerana berlakunya lonjakan jangkitan Covid-19 di negara kita. Hal ini juga sekaligus memberikan kesan negatif terhadap kecerdasan emosi dan kesihatan mental guru pelatih pendidikan khas Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) kerana perlu melalui pembelajaran atas talian dalam masa yang begitu panjang. Menurut Md Daud Ismail, Nur Syuhada Md Zain & Roshayati Abdul Hamid (2016) pembelajaran atas talian memberikan suatu tekanan kepada pelajar terutama mahasiswa di IPT kerana mereka perlu menyesuaikan diri dengan kaedah pembelajaran ini yang pastinya berbeza dengan kaedah tradisional iaitu secara bersemuka. Hal ini turut disokong oleh Izyan Izzati Kamsani & Aishah Mahat (2021) di mana mereka menyatakan perubahan mendadak ini pastinya memerlukan pelajar beradaptasi sehingga memberikan kesan ke atas kesihatan.



Selepas beberapa semester menjalankan PdP secara dalam talian tanpa memberi ruang pelajar kembali ke kampus sepenuhnya untuk mengikuti kelas secara bersemuka, ia sedikit sebanyak telah menyumbang kepada tekanan (Abdul Rashid Abdul Aziz, Nathratul Ayesah Zulkifli, Mohd Zainal Othman & Nurun Najihah Musa (2021). Hal ini sekaligus dapat memberikan kesan kecerdasan emosi dan kesihatan mental yang negatif kepada diri guru pelatih pendidikan khas itu secara khususnya. Oleh itu, kajian ini dilihat begitu penting bagi melihat sendiri tahap kecerdasan emosi dan kesihatan mental guru pelatih pendidikan khas UPSI sepanjang e-pembelajaran sewaktu pandemik Covid-19 serta ingin melihat sejauh manakah tempoh pembelajaran atas talian mempengaruhi tahap kecerdasan emosi serta kesihatan mental ketika mengikuti pembelajaran tersebut.





1.4 Tujuan Kajian

Menurut Mohd Khairuddin Abdullah, Maspiah Sekong & Halimah Laji (2017) orang yang memiliki kecerdasan emosi mempunyai kemahiran dalam empat bidang, iaitu persepsi emosi dan pengekspresannya, menggunakan emosi, memahami emosi dan mengawal emosi. Kebimbangan dan kemurungan merupakan satu elemen di dalam menguji tahap kesihatan mental manusia (Arwansyah Kirin, Abd Shakor Borham, Siti Marpuah & Wan Ainaa Mardhiah (2022). Oleh itu, kajian ini ialah untuk menilai peringkat kecerdasan emosi dan kesihatan mental guru pelatih pendidikan khas Universiti Pendidikan Sultan Idris sepanjang menjalani e-pembelajaran.

1.4.1 Objektif Kajian



1. Mengenalpasti tahap kecerdasan emosi dan kesihatan mental guru pelatih pendidikan khas Universiti Pendidikan Sultan Idris sepanjang menjalani e-pembelajaran sewaktu Covid-19.
2. Mengenalpasti perbezaan antara tahap kecerdasan emosi dan kesihatan mental dengan tempoh pembelajaran atas talian guru pelatih pendidikan khas Universiti Pendidikan Sultan Idris sepanjang menjalani e-pembelajaran sewaktu Covid-19.

1.4.2 Soalan Kajian


1. Apakah tahap kecerdasan emosi dan kesihatan mental guru pelatih pendidikan khas Universiti Pendidikan Sultan Idris sepanjang menjalani e-pembelajaran sewaktu Covid-19?



2. Apakah perbezaan antara tahap kecerdasan emosi dan kesihatan mental dengan tempoh pembelajaran atas talian guru pelatih pendidikan khas Universiti Pendidikan Sultan Idris sepanjang menjalani e-pembelajaran sewaktu Covid-19?

1.5 Kerangka Konseptual Kajian

Rajah 1 di bawah menunjukkan kerangka konseptual kajian bagi kajian yang dijalankan oleh pengkaji. Kajian ini ialah satu kajian yang berfokuskan kepada kecerdasan emosi dan kesihatan mental guru pelatih pendidikan khas UPSI. Bagi tujuan tersebut pengkaji akan membina borang soal selidik yang berfokus kepada lima komponen dalam elemen kecerdasan emosi yang berkaitan dengan guru pelatih pendidikan khas UPSI sewaktu pandemik Covid-19. Selain itu, ada 5 soalan yang akan menguji mengenai tahap kesihatan mental sewaktu pandemik melanda negara. Seterusnya pengkaji akan menyelidik lebih mendalam berdasarkan Teori Kecerdasan Emosi Goleman (1995) dengan menggunakan elemen-elemen yang dicadangkan dalam teori berkenaan. Bagi kesihatan mental pula pengkaji menyelidiknya dengan menggunakan soalan yang dicadangkan di dalam Teori Kesihatan Mental Goldberg (1971) dan Goldberg & Williams (1988) – GHQ-12. Selepas itu, pengkaji akan membuat borang soal selidik yang akan berfokus kepada guru pelatih pendidikan khas yang menjalani pengalaman belajar secara atas talian sewaktu pandemik Covid-19 melanda dunia.





1.6 Kepentingan Kajian

Hasil kajian ini diharap dapat membantu pihak yang berwajib untuk memandang serius mengenai peringkat kecerdasan emosi dan kesihatan mental guru pelatih pendidikan khas UPSI sewaktu pandemik Covid-19 melanda negara yang seterusnya menyebabkan mereka menjalani pembelajaran atas talian dalam tempoh masa yang begitu lama. Selain itu, kajian ini juga diharap dapat memberikan maklumat mengenai hubungan di antara tempoh pembelajaran atas talian dan kecerdasan emosi dan kesihatan mental guru pelatih sewaktu musim penularan pandemik Covid-19.

1.7 Definisi Operasional

1.7.1 Guru Pelatih Pendidikan Khas UPSI



Guru pelatih pendidikan khas UPSI bermaksud individu yang bergelar mahasiswa dan mahasiswi yang menuntut di Institusi Pengajian Tinggi Awam iaitu Universiti Pendidikan Sultan Idris pada peringkat sarjana muda dalam bidang pendidikan khas. Guru pelatih berkenaan menjalani pengajian di institusi tersebut merangkumi kuliah, teori dan latihan mengajar selama 4 tahun.

1.7.2 Kecerdasan Emosi

Menurut Andang Andaiyani Ahmad & Abdul Said Ambotang (2020) kecerdasan emosi merupakan kemampuan untuk mengawal dan mengelolakan diri sendiri dan orang lain daripada aspek perasaan, emosi dan tingkah laku. Bagi Rosma Ayu Harun, Noriah Mohd Ishak & Salleh Amat (2016) pula kecerdasan emosi ditakrifkan sebagai tindakan





serta kebijaksanaan untuk mengubahsuai sesuatu tingkah laku mengikut waktu. Ini bermakna kecerdasan ini merupakan suatu kebolehan bagi manusia untuk mengadaptasikan tingkah laku serta emosi mengikut keadaan sekeliling.

1.7.3 Kesihatan Mental

Menurut Kementerian Kesihatan Malaysia (2012) kesihatan mental merupakan senario manusia menyedari keupayaan boleh mengharungi stress di dalam hidup dan boleh melaksanakan pekerjaan seterusnya memberi sumbangan kepada masyarakat secara umumnya. Yasuhiro Kotera & Su-Hie Ting (2021) menyatakan bahawa kesihatan mental yang baik iaitu rendah yang ditunjukkan oleh pelajar akan menyebabkan motivasi pembelajaran akan berada pada tahap yang baik. Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO, 2020) menyatakan bahawa elemen dibawah kesihatan mental iaitu keimbangan dan kemurungan haruslah ditangani dengan baik kerana ianya akan membawa kesan yang mudarat kepada diri manusia seperti Perasaan cemas, stress, takut, kemurungan dan keimbangan merupakan elemen yang berada pada kesihatan mental manusia (Arwansyah Kirin, Abd Shakor Borham, Siti Marpuah & Wan Ainaa Mardhiah (2022).

1.7.4 Pembelajaran Atas Talian (E-Pembelajaran)

Pembelajaran atas talian merupakan suatu keadaan di mana penuntut ilmu dan pendidik bersemuka secara maya melalui *platform* aplikasi *Google Meet*, *Cisco Webex*, *Zoom* dan sebagainya. Menurut Nilavani Mahalingam & Khairul Azhar Jamaludin (2021), mereka mengatakan bahawa Pembelajaran atas talian semasa pandemik merupakan kaedah baru dalam pengajaran yang membolehkan pendekatan bertumpu kepada pendidik diubah kepada pembelajaran berpusatkan murid.





1.7.5 Covid-19

Menurut Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO, 2020) Covid-19 merupakan suatu penyakit yang disebabkan oleh virus SARS-CoV-2 yang boleh disebarluaskan melalui sentuhan dan udara dengan begitu pantas. Wabak ini akan menyebabkan pesakit demam, selesma, batuk, pening, pengsan dan lebih teruk akan menyebabkan kesukaran untuk bernafas. Penyakit ini boleh menjangkiti semua lapisan masyarakat dan lebih dikhuatir jika berjangkit kepada individu yang mempunyai imuniti badan yang lemah seperti warga emas dan individu yang mengalami penyakit kronik boleh mengorbankan nyawa.

1.8 Rumusan

Bab ini merumuskan latar belakang kajian, pernyataan masalah di dalam kajian, tujuan, objektif, serta persoalan yang mendasari kajian. Selain itu, kerangka konseptual juga dipaparkan bagi memahami proses kajian dilakukan. Selanjutnya, teori yang mendasari kajian ini ialah teori Kecergasan Emosi Goleman (1995) dan teori Kesihatan Mental Goldberg (1971) dan Goldberg & Williams (1988) melalui General Health Questionnaire (GHQ-12). Disamping itu adanya kepentingan kajian dan definisi operasional yang diterangkan pada bab 1 ini. Dalam bab yang seterusnya, pengkaji akan memberikan penerangan mengenai teori yang digunakan serta kajian-kajian lepas yang menyokong kajian yang dilaksanakan oleh pengkaji.

